

GARIS PANDUAN PENGGUNAAN LOGO SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-41, TAHUN 2025



برساتو منچا قای چیتانگارا
Bersatu Mencapai Cita Negara
١٤٤٦ شعبان ٢٤ / 23 Februari 2025

1. Penggunaan Logo Asal

- Logo hendaklah digunakan dalam bentuk asal tanpa sebarang perubahan.
- Pastikan warna, nisbah saiz, dan elemen reka bentuk kekal seperti versi rasmi yang diberikan.

2. Penempatan Logo

- Letakkan logo di tempat yang sesuai dan mudah dilihat, seperti dada atau lengan pakaian.
- Pastikan logo dapat dikenali dengan jelas tanpa sebarang halangan.

3. Konteks Penggunaan

- Gunakan logo dalam konteks yang bersesuaian, seperti acara rasmi atau aktiviti yang selari dengan nilai-nilai kenegaraan.
- Elakkan penggunaan dalam situasi yang bertentangan dengan semangat Hari Kebangsaan.

4. Kebersihan Visual

- Pastikan logo tidak bertindih dengan corak lain atau teks pada pakaian atau bahan promosi.
- Elakkan sebarang elemen yang boleh menyebabkan logo kelihatan kabur atau tidak jelas.

5. Larangan Penggunaan Komersial

- Logo tidak boleh digunakan untuk tujuan komersial atau dalam situasi yang dianggap tidak menghormati Hari Kebangsaan.

6. Maklumat Lanjut

- Untuk maklumat lebih terperinci atau pertanyaan, sila rujuk laman sesawang rasmi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) di: <http://kkbs.gov.bn> atau hubungi Urus Setia Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ke-41, Tahun 2025 melalui emel: urusetiahk@kkbs.gov.bn